

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

1. Asrama pekerja asing.
 - (a) Senaraikan hotel yang telah ditukar guna sebagai asrama pekerja asing mengikut daerah.
 - (b) Nyatakan *ratio* bilangan penghuni dan saiz bangunan / bilik.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. (a) Setakat ini, tiada Permohonan Kebenaran Merancang atau kelulusan Pelan Bangunan yang dikemukakan bagi pemajuan tukar guna hotel ke asrama pekerja asing bagi kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Manakala bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSPP) pula adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	NAMA HOTEL
1	Seberang Perai Utara	Hotel Lodge 18
		Hotel Palm Inn Butterworth
2	Seberang Perai Tengah	Hotel Palm Inn
		Hotel Sri Indar
		Summit Hotel, Bukit Mertajam
3	Seberang Perai Selatan	Hotel Icon Square

- (b) Berdasarkan Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja di Negeri Pulau Pinang 2022, nisbah penghuni dan saiz bangunan / bilik adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

BIL	DAERAH	NAMA HOTEL	JUMLAH KELUASAN KESELURUHAN	JUMLAH TINGKAT	JUMLAH BILIK	JUMLAH PENGHUNI
1	Seberang Perai Utara	(a) Hotel Lodge 18	2372.71MP	8	45	208
2		(b) Hotel Palm Inn Butterworth	2352.82 MP	6	90	569
3	Seberang Perai Tengah	(a) Hotel Palm Inn	913.46 MP	3	41	129
4		(b) Hotel Sri Indar	12292.5 MP	7	89	361
5		(c) Summit Hotel BM	14748 MP	13	189	1,251
6	Seberang Perai Selatan	(a) Hotel Icon Square	5217 MP	5	128	512

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

2. Nyatakan status dan bilangan pekerja asing yang dibenarkan dihuni dalam Hotel Summit BM.
 - (a) Adakah memasak dibenarkan dalam asrama hotel?
 - (b) Adakah ia memenuhi semua syarat keselamatan? Nyatakan syarat-syarat tersebut.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Hotel Summit Bukit Mertajam (Hotel Summit BM) telah diluluskan sebagai penginapan pekerja sementara ini adalah berdasarkan Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Sementara/*Temporary Labour Quarters* (TLQ) yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2024. Sehingga kini, terdapat seramai 1,251 orang penghuni yang menghuni di Hotel Summit BM ini.
 - (a) Berdasarkan Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Sementara/*Temporary Labour Quarters* (TLQ), aktiviti memasak adalah tidak dibenarkan di dalam unit dormitori bagi asrama pekerja berkonsepkan dormitori. Walau bagaimanapun, syarikat/majikan hendaklah menyediakan ruang khas untuk memasak secara berpusat. Manakala bagi asrama pekerja yang berkonsepkan pangsapuri/*bedsitter* pula, aktiviti memasak adalah dibenarkan di ruang dapur yang telah disediakan.

b) Permohonan penginapan pekerja sementara daripada pihak Hotel Summit BM ini dipertimbangkan kerana pemohon mematuhi semua syarat keselamatan sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Sementara (*Temporary Labour Quarters*–TLQ). Pihak MBSP dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) akan sentiasa memantau agar syarat-syarat keselamatan tersebut sentiasa dipatuhi. Antara syarat-syarat keselamatan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat atau majikan hendaklah menyediakan pondok keselamatan di semua pintu keluar/masuk utama dan melantik syarikat keselamatan yang berkelayakan untuk mengawal kawasan penginapan sementara (tertakluk pada keperluan atau syarat tambahan oleh PBT);
- (ii) Syarikat atau majikan hendaklah memagar di sekeliling kawasan penginapan sementara *en bloc* bagi membezakan bangunan penginapan pekerja dan kawasan awam atau kawasan-kawasan lain;
- (iii) Syarikat atau majikan hendaklah memaparkan maklumat asas di dinding luar bersebelahan pintu masuk utama premis penginapan pekerja dengan maklumat seperti berikut:
 - a. Nama syarikat;
 - b. Alamat syarikat;
 - c. Nama pengurus penginapan;
 - d. Nombor telefon pengurus penginapan;
 - e. Nama penghuni (termasuk nombor kad pengenalan/pasport);
 - f. Jumlah bilangan penghuni; dan
 - g. Kewarganegaraan penghuni.

- (iv) Syarikat atau majikan hendaklah memastikan semua ruang tangga termasuk tangga kecemasan pada setiap masa mempunyai pencahayaan, pengudaraan yang baik dan tangga-tangga dipasang pemegang;
- (v) Syarikat atau majikan hendaklah memastikan kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik;
- (vi) Syarikat atau majikan hendaklah memastikan semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik;
- (vii) Syarikat atau majikan hendaklah menyediakan tangga kecemasan tertakluk pada kehendak pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
- (viii) Syarikat atau majikan hendaklah memastikan bangunan penginapan pekerja yang digunakan mematuhi segala syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
- (ix) Syarikat atau majikan digalakkan memasang kelengkapan CCTV di dalam kawasan atau bangunan penginapan pekerja yang strategik;
- (x) Syarikat atau majikan hendaklah memastikan semua pekerja di bawah seliaan terutamanya pekerja warga asing menjalani tapisan keselamatan oleh pihak-pihak yang ditetapkan oleh kerajaan; dan
- (xi) Syarikat atau majikan hendaklah memastikan semua maklumat pekerja di bawah seliaan terutamanya pekerja warga asing dikemukakan/disalinkan kepada pihak Jabatan Imigresen, Majlis Keselamatan Negara, Polis Diraja Malaysia dan Badan Pengurusan Bersama (JMB)/ Perbadanan Pengurusan (MC).

**;MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

3. Pembangunan pesat dalam negeri memerlukan lebih banyak tenaga pembersihan.
- (a) Nyatakan bilangan pekerja pembersihan iaitu 3D MBSP dan MBPP dari tahun 2018 hingga kini.
- (b) Apakah pelan bagi pekerja 3D sedia ada kalau Kerajaan Negeri menandatangani Akta 672?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. (a) Bilangan pekerja pembersihan iaitu 3D di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dari tahun 2018 hingga kini adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

TAHUN	BILANGAN KAKITANGAN (ORANG)	
	MBPP	MBSP
2018	75	2,172
2019	71	2,092
2020	59	2,050
2021	74	1,915
2022	73	1,895
2023	73	2,048
2024	78	1,961

Jadual 1 : Bilangan Pekerja Pembersihan (3D) Di MBPP Dan MBSP

- (b) Kerajaan Negeri dan PBT masih dalam proses mengkaji dan rundingan bersama pihak JPSPN dan SWCorp bagi cadangan pemakaian Akta 672 di Negeri Pulau Pinang. Salah satu proses rundingan pemakaian Akta 672 melibatkan sesi libat urus bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Opsyen-opsyen bagi kakitangan PBT akan diperincikan semasa sesi libat urus tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

4. Senaraikan projek-projek pembinaan dan penaiktarafan pasar awam dengan jumlah perbelanjaan dari tahun 2014 hingga kini.
 - (a) Nyatakan perancangan pembinaan dan penaiktarafan pasar awam bagi lima tahun yang akan datang.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Senarai bagi projek-projek pembinaan dan penaiktarafan pasar awam dengan jumlah perbelanjaan dari tahun 2014 sehingga kini di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Kerajaan Negeri melalui PBT sememangnya mempunyai perancangan bagi pembinaan dan penaiktarafan ke atas pasar awam di bawah seliaan PBT. Perancangan ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti serta taraf kemudahan pasar awam ke arah mewujudkan sebuah pasar yang mempunyai ciri-ciri bersih, sihat, selamat, selesa, mesra alam, moden dan dilengkapi dengan fasiliti yang sesuai dengan masyarakat majmuk di negeri Pulau Pinang. Justeru itu, PBT telah merancang kerja-kerja naik taraf dan pembinaan baharu pasar awam dengan mengambil kira keperluan-keperluan dari segi keadaan fizikal bangunan pasar awam, tahap kerosakan yang berlaku, kapasiti pengunjung dan lain-lain yang berkaitan. Berikut adalah senarai perancangan pembinaan dan penaiktarafan pasar awam mengikut keutamaan di kawasan seliaan PBT:

Naik taraf:

- (i) Menaik taraf pendawaian semula keseluruhan Pasar Pulau Tikus, Daerah Timur Laut;
- (ii) Menaik taraf Pasar Bayan Baru, Daerah Barat Daya;
- (iii) Menaik taraf dan mengubah suai Pasar Padang Tembak, Daerah Timur Laut;
- (iv) Menaik taraf Pasar Jalan Anson, Daerah Timur Laut;
- (v) Menaik taraf Pasar Awam Jeti Lama, Seberang Perai Utara;
- (vi) Menaik taraf Pasar Awam Sri Uda, Butterworth, Seberang Perai Utara;
- (vii) Menaik taraf bumbung Pasar Awam Kampung Baru, Seberang Perai Tengah;
- (viii) Menaik taraf Pasar Awam Taman Sri Rambai, Seberang Perai Tengah; dan
- (ix) Menaik taraf Pasar Awam Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.

Pembinaan Baharu:

- (i) Pembinaan baharu pasar/kompleks makanan Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya; dan
- (ii) Pembinaan baharu Pasar Awam Taman Pasar Awam Sama gagah, Seberang Perai Tengah.

**SENARAI PROJEK-PROJEK PEMBINAAN DAN PENAİK TARAFAN PASAR AWAM
DENGAN JUMLAH PERBELANJAAN DARI TAHUN 2014 SEHINGGA KINI**

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG			
BIL	TAHUN	PROJEK	KOS (RM)
1	2014	Pengubahsuaian dan menaik taraf Pasar Teluk Bahang, Jalan Hassan Abbas, di atas Lot 735, Mukim 2, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	465,891.00
2	2016	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Bayan Baru sedia ada di Jalan Mayang Pasir 3, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. (Fasa 1)	12,190,206.40
3	2016	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Bayan Baru sedia ada di Jalan Mayang Pasir 3, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. (Fasa 1)	1,211,901.25
4	2016	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Bayan Baru sedia ada di Jalan Mayang Pasir 3, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. (Fasa 1)	9,073,594.00
5	2016	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Bayan Baru sedia ada di Jalan Mayang Pasir 3, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. (Fasa 1)	2,465,285.75
6	2019	Pengubahsuaian dan menaik taraf Pasar Teluk Bahang, Jalan Hassan Abbas, di atas Lot 735, Mukim 2, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	2,500,000.00
7	2022	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Bayan Baru sedia ada di Jalan Mayang Pasir 3, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. (Fasa 1)	2,793,362.30
8	2023	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Bayan Baru sedia ada di Jalan Mayang Pasir 3, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. (Fasa 1)	254,019.00
9	2024	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Bayan Baru sedia ada di Jalan Mayang Pasir 3, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. (Fasa 1)	1,168,050.00

10	2024	Cadangan mendirikan sebuah Pasar Awam Teluk Kumbar di atas Lot 908, Mukim 9, Jalan Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	465,891.00
----	------	--	------------

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI			
BIL	TAHUN	PROJEK	KOS (RM)
1	2014	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Kampung Baru di Lot 1681, Mukim 15, Seberang Perai Tengah dan Pasar Awam Jalan Berapit di Lot 2292, Mukim 17, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	949,200.00
2	2014	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	406,992.00
3	2014	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Penaga, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	294,300.00
4	2014	Cadangan menaik taraf Kompleks Makanan Desa Murni, Sungai Dua, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	249,550.00
5	2014	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Sungai Dua Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	422,920.00
6	2015	Cadangan meroboh dan membina semula tangki air di Pasar Awam Taman Berjaya, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	252,200.00
7	2015	Cadangan menaik taraf tandas di Pasar Awam Penanti Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	149,830.00
8	2017	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Taman Berjaya, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	44,900.00
9	2019	Cadangan menaik taraf Sistem Bekalan Air di Pasar Awam Kota Permai, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	150,000.00
10	2019	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Kampung Baru, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	150,000.00
11	2019	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Sungai Dua, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	150,000.00

BIL	TAHUN	PROJEK	KOS (RM)
12	2019	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Penaga, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	100,000.00
13	2019	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	250,000.00
14	2021	Cadangan pemasangan bumbung di petak tambahan Pasar Awam Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	150,000.00
15	2021	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Sungai Dua, Pulau Pinang	215,000.00
16	2022	Cadangan menaik taraf Sistem Bekalan Air di Pasar Awam Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	19,800.00
17	2022	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	19,500,000.00
18	2024	Cadangan menaik taraf tandas di Pasar Awam Permatang Manggis, Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	20,000.00
19	2024	Cadangan menaik taraf infrastruktur jalan dan perabot Jalan di Pasar Awam Penaga, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	190,850.00
20	2024	Cadangan menaik taraf Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	368,454.00
21	2019	Kerja-kerja membaik pulih rupa bentuk dan kerosakan struktur Pasar Awam Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	200,000.00
22	2023	Kerja-kerja penggantian paip pembentung dan kerja-kerja berkaitan di Pasar Awam Bagan Ajam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	72,000.00
23	2021	Kerja-kerja menurap kawasan tempat letak Kereta dan kerja-kerja berkaitan dengannya di kawasan Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	100,000.00

BIL	TAHUN	PROJEK	KOS (RM)
24	2021	Kerja-kerja pemasangan bekalan air individu (meter berasingan) di tandas awam, keseluruhan gerai makan dan pasar di Pasar Awam Sri Uda, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	150,000.00
25	2022	Kerja-kerja membina petak tambahan di Pasar Awam Sama gagah, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	49,000.00
26	2020	Membaik pulih Pasar Awam Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	20,000.00
27	2020	Membaik pulih Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai, Pulau Pinang	20,000.00
28	2021	Menurap kawasan Pasar Awam Kampung Baru, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	100,000.00
29	2021	Menurap kawasan Pasar Awam Kota Permai, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	100,000.00
30	2017	Projek pengukuhan tingkat 1 Pasar Awam Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	750,000.00
31	2018	Gerai makanan Pasar Awam Penanti, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	408,630.00
32	2023	Pembinaan tempat letak kereta kenderaan (TLK) dan kerja berkaitan di Pasar Awam Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	700,000.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

5. Nyatakan bilangan lelaki dan perempuan yang bekerja di Kerajaan Negeri mengikut gred.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Jumlah pengisian kakitangan awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi 21 Jabatan Negeri, lima (5) Badan Berkanun Negeri dan dua (2) Pihak Berkuasa Tempatan adalah 11,745 orang bagi lantikan tetap dan kontrak. Statistik berdasarkan jantina adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1 : Jumlah Pengisian Mengikut Jantina

BIL.	PERKARA	KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH		
			L	P	JUMLAH
1	Jabatan Negeri	Pengurusan Tertinggi (JUSA)	5	2	7
		Pengurusan & Profesional (Gred 41-54)	186	161	347
		Pelaksana (Gred 11-40)	2,268	1,287	3,555
Jumlah Jabatan Negeri			2,459	1,450	3,909
2	Badan Berkanun Negeri	Pengurusan Tertinggi (JUSA)	3	0	3
		Pengurusan & Profesional (Gred 41-54)	59	74	133

		Pelaksana (Gred 11-40)	262	299	561
	Jumlah Badan Berkanun Negeri		324	373	697
3	Pihak Berkuasa Tempatan	Pengurusan Tertinggi (JUSA)	4	0	4
		Pengurusan & Profesional (Gred 41-54)	101	79	180
		Pelaksana (Gred 11-40)	5,880	1,075	6,955
	Jumlah Pihak Berkuasa Tempatan		5,985	1,154	7,139
	JUMLAH KESELURUHAN		8,768	2,977	11,745

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

6. Nyatakan usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan penglibatan kaum wanita dalam pencapaian kejayaan pekerja.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Jabatan Perangkaan (2018) telah melaporkan bahawa 60.2 peratus pekerja wanita telah mengundurkan diri daripada sektor buruh kerana ingin menjalankan tanggungjawab keluarga jika dibandingkan dengan 3.6% pekerja lelaki. Kajian ini disokong dengan dapatan daripada 2014 *Malaysian Population and Family Survey* (MPFS-5), yang menunjukkan 32.4 peratus wanita yang berkahwin menarik diri daripada pasaran kerja telah mengatakan masalah penjagaan anak sebagai alasan utama untuk berhenti bekerja.

Dalam menggalakkan penglibatan kaum wanita dalam pencapaian kerjaya, salah satu inisiatif yang dilaksanakan adalah dengan menyediakan pusat jagaan kanak-kanak dengan yuran yang berpatutan di tempat kerja. Langkah ini dapat mendorong ibu bapa terutamanya golongan ibu untuk terus kekal dalam alam pekerjaan. Kerajaan Negeri telah mewujudkan taska di KOMTAR 1.0 dan 2.0 bagi kemudahan tenaga kerja di bangunan KOMTAR. Selain itu, beberapa sektor swasta turut menyahut seruan ini bagi memperbanyakkan jumlah tenaga buruh wanita di Pulau Pinang. Satu inisiatif *Childcare @Workplace* yang berjaya ditubuhkan atas sokongan Kerajaan Negeri adalah dengan Mikron. Sila rujuk **LAMPIRAN A** untuk senarai taska di tempat kerja sektor awam di Pulau Pinang.

Melalui pelaksanaan Dasar Keluarga Selamat yang digunapakai sejak tahun 2020, Kerajaan Negeri ingin menyediakan satu persekitaran yang selamat buat setiap keluarga dan merupakan satu bentuk sokongan kepada para wanita untuk mencapai stabiliti dan produktiviti di tempat kerja. Apabila wanita berasa selamat di rumah, dan turut yakin bahawa keluarga mereka juga berada dalam keadaan selamat, mereka akan lebih fokus dan mempunyai semangat yang jitu dalam melaksanakan tanggungjawab profesional masing-masing.

TASKA DI TEMPAT KERJA PULAU PINANG**LAMPIRAN A**

Bil	Taska	Alamat	Tel No	Daerah
1	Taska Mutiara Bonda (Penjara Pulau Pinang)	NO. 20F, Kuarters Penjara Reman, Jalan Penjara, Georgetown 10450 Timur Laut, Pulau Pinang.	017-5425253	Timur Laut
2	Taska Bunga Tanjung	Tingkat 4, Kuarters Pesona, Hospital Pulau Pinang, Fasa 3, Jalan Utama, 10460 Timur Laut, Pulau Pinang.	012-8005054	Timur Laut
3	Hadhanah Child Care Centre	H30, Lorong Cahay, Universiti Sains Malaysia, Usm 11800 Timur Laut, Pulau Pinang.	012-4589602	Timur Laut
4	Taska Wawasan Kejayaan	SEAMEO RECSAM Jalan Sultan Azlan Shah, Gelugor, 11700 Timur Laut, Pulau Pinang.	016-45577747 / 016-4191747	Timur Laut
5	Taska Didik Pintar	JKR 2514, Kuarters Hospital, Jalan Air Putih, Balik Pulau 11000 Barat Daya, Pulau Pinang.	019-4567490	Barat Daya
6	Taska Mutiara Penyayang	NO. A-G-01, Jalan Bertam Krts, Hospital Kepala Batas, Kepala Batas, 13200 Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	0194809683	Seberang Perai Utara
7	Taska MRSM Ulul Albab	MRSM Kepala Batas, Jalan Tun Hamdan Sheik Tahir, Kepala Batas,	019-5609436	Seberang Perai Utara

TASKA DI TEMPAT KERJA PULAU PINANG**LAMPIRAN A**

Bil	Taska	Alamat	Tel No	Daerah
		13200 Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.		
8	Taska Indah Rohani	Pejabat Tanah Dan Daerah Seberang Perai Selatan, Sungai Jawi 14200 Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.	04-5827882 / 013-5118202	Seberang Perai Selatan
9	Taska Penjara Seberang Perai	F-4-G-05, Blok Taman Kuarters Seberang Perai, Jalan Kerian - Kedah, Sungai Jawi 14200 Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.	013-4679683	Seberang Perai Selatan

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

7. Memandangkan tapak RIBI di Pulau Pinang semakin berkurangan dan penyediaan tapak RIBI adalah tidak seimbang dengan perkembangan populasi semasa, apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menangani isu ini?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sangat komited dengan penyediaan tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) sebagai fokus utama selaras dengan dasar Rancangan Struktur Negeri (RSN) Pulau Pinang 2030 di bawah Dasar Perancangan Utama (DSP 2.3.6): Menyediakan kemudahan keagamaan yang terancang dan mencukupi selaras dengan kesesuaian jumlah penduduk mengikut agama dan piawai perancangan.

Penyediaan tapak RIBI adalah tertakluk kepada garis panduan sedia ada di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan akaun Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam (TARIBI), hasil daripada sumbangan kewangan melalui pengecualian penyediaan tapak RIBI yang dikutip oleh (PBT) kepada pihak Kerajaan Negeri untuk digunakan bagi tujuan penyelenggaraan, pembinaan dan penyediaan tapak RIBI di negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri dalam usaha bagi mengatasi masalah ketidakseimbangan dengan pindaan terhadap fungsi Tabung Amanah RIBI bagi menyediakan tapak RIBI sama rata mengikut populasi semasa.

Seterusnya, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula melalui Garis Panduan Penyediaan Kemudahan Masyarakat Di Kawasan Pemajuan Perumahan Baru dan Garis Panduan Piawaian Perumahan telah mensyaratkan penyediaan tapak RIBI mengikut keluasan kawasan pembangunan perumahan bagi menampung permintaan tapak RIBI di negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

8. Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam (TARIBI) diwujudkan daripada hasil kutipan PBT. Memandangkan pemajuan komersial adalah dikecualikan daripada garis panduan ini, adakah kerajaan merancang meneliti semula garis panduan tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Akaun Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam (TARIBI) ini adalah daripada hasil kutipan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi Kebenaran Merancang yang tidak dapat menyediakan tapak rumah ibadat bukan islam perlu membayar sumbangan kepada Bendahari Negeri Pulau Pinang.

Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam (TARIBI) ini telah diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi Perbendaharaan boleh menubuhkan akaun - akaun amanah tertentu sebagaimana yang disifatkan perlu bagi memperakaukan sumbangan dan terimaan daripada mana-mana orang-perseorangan atau organisasi bagi sesuatu maksud atau tujuan tertentu khususnya TARIBI.

Namun, jabatan ini tiada maklumat berhubung kutipan bagi skim pemajuan komersial kerana dasar dan polisi ini di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Oleh itu, EXCO MMK Pembangunan Sosial, Kebajikan Dan Hal Ehwal Bukan Islam telah mewujudkan Jawatankuasa Penyelarasan Dasar di peringkat PBT bagi menyemak serta meneliti perkara - perkara berhubung dasar dan polisi yang lebih efisien. Urus setia yang di tempatkan di bawah PLANMalaysia

di peringkat jabatan hanya menguruskan keurus setiaan Tabung Amanah RIBI sahaja.

MBPP mengesyorkan sekiranya ada tapak RIBI yang disediakan tidak memuaskan dan tidak boleh diterima, pemohon boleh menawarkan sumbangan dalam bentuk kewangan sebagai ganti mengikut kadar dan zon di dalam Garis Panduan Kemudahan Masyarakat MBPP. Sumbangan kewangan yang diterima tersebut sebagai ganti untuk tapak ibadat bukan islam secara fizikal yang akan diserahkan kepada tabung khas Majlis Bandaraya Pulau Pinang dimana penggunaan tabung ini akan diputuskan di Mesyuarat Jawatankuasa RIBI Negeri.

Mengikut Garis Panduan Untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat Di Kawasan Pemajuan Perumahan Baharu yang digunapakai oleh MBPP pada 14.12.1989 (pindaan terkini 15.12.2017), tapak lain-lain ibadat (RIBI) adalah merupakan sebahagian keperluan kemudahan masyarakat yang perlu disediakan oleh pemaju sebagai syarat pematuhan Permohonan Kebenaran Merancang bagi semua skim perumahan yang dikemukakan kepada MBPP. Mengikut garis panduan ini, pengiraan penduduk kediaman sesuatu cadangan pemajuan adalah pada kadar 3.9 orang setiap unit perumahan hendaklah digunakan. Piawaian perancangan bagi tapak lain-lain ibadat (RIBI) adalah pada kadar 0.10 meter persegi tanah bagi setiap penduduk. Oleh yang demikian, cadangan tapak lain-lain ibadat (RIBI) dikira berdasarkan cadangan unit perumahan yang dikemukakan oleh pemaju. Yang mana Tapak Lain-Lain Ibadat (RIBI) tersebut adalah untuk kegunaan penduduk skim tersebut kelak. Walau bagaimanapun, MBPP tiada cadangan untuk meminda semula garis panduan ini.

MBSP pula sedang dalam proses meneliti semula garis panduan bagi pemajuan komersial yang melibatkan pangsapuri perkhidmatan untuk disyaratkan penyediaan RIBI.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

9. Nyatakan baki dalam Tabung RIBI berbanding dengan jumlah permohonan yang diterima.

(a) Apakah cadangan Kerajaan Negeri mempertingkatkan Tabung RIBI?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Setakat 5 April 2024, baki di bawah tabung amanah rumah ibadat bukan islam (RIBI) adalah sebanyak RM57,963.73. Pihak urusetia telah menerima 55 permohonan daripada RIBI bagi tujuan penyelenggaraan, membaik pulih dan pembinaan baharu RIBI.

Akaun Tabung Amanah RIBI merupakan hasil kutipan Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dari pemaju bagi kebenaran merancang kerana tidak dapat menyediakan tapak RIBI. Bayaran sumbangan disalurkan kepada kerajaan negeri bagi tujuan penyelenggaraan naik taraf dan membaikpulih struktur binaan RIBI.

Dengan mengambil faktor kekurangan sumber hasil kutipan Tabung Amanah RIBI yang tertakluk pada polisi kebenaran merancang yang dikeluarkan kepada pemaju, maka kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan untuk RIBI melalui peruntukan hal ehwal bukan islam di bawah YAB Ketua Menteri. Perkara ini seiring dengan Manifesto Perpaduan di mana RM10 juta disediakan bagi tujuan RIBI dalam tempoh 5 tahun bagi memastikan keperluan RIBI di Pulau Pinang terpelihara.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

10. Nyatakan jenayah seksual yang berlaku di kalangan kanak-kanak mengikut umur dalam 10 tahun.
- (a) Apakah perancangan mendidik kanak-kanak tentang kesedaran masalah ini?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Rekod yang diterima daripada Polis Di Raja Malaysia (PDRM), jelas menunjukkan perincian jenayah seksual yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak mengikut umur dalam 10 tahun melibatkan pelbagai jenayah seperti berikut:
- (i) Jenayah Rogol ;
 - (ii) Jenayah Cabul ;
 - (iii) Jenayah Aib ;
 - (iv) Pornografi Kanak-Kanak ;
 - (v) Jenayah Liwat Dan Luar Tabii ;
 - (vi) Sumbang Mahram ;
 - (vii) Amang Seksual,Persembahan Seksual dan Pemerasan Seksual ;
 - (viii) Penganiayaan Seksual Kanak-Kanak ;

(ix) Pengantunan Kanak-Kanak ; dan

(x) Lain-lain kesalahan seksual yang melibatkan kanak-kanak.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang sedang menjalankan Program Advokasi Perlindungan Kanak-kanak yang akan berjalan secara berterusan mulai Jun 2024 melalui kerjasama rakan strategik iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Polis Di Raja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Pada tahun 2024, program ini akan melibatkan 30 buah sekolah di seluruh Pulau Pinang. Program ini bertujuan meningkatkan kefahaman dan pendedahan kepada kanak-kanak berkenaan situasi kanak-kanak yang menghadapi masalah penderaan, pengabaian dan juga masalah yang dianiayai dari segi seksual dan tindakan yang boleh diambil sama ada oleh kanak-kanak itu sendiri, ibubapa atau komuniti setempat.

Pada tahun 2009, di bawah kerjasama pintar (smart partnership) antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Women's Centre for Change (WCC), Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) ditubuhkan di Seberang Perai untuk melengkapi perkhidmatan WCC yang beroperasi di belah pulau. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan dana, manakala WCC menguruskan pusat tersebut. PPW menyediakan perkhidmatan kaunseling, menjalankan program seranta di sekolah dan komuniti serta melobi hak mangsa keganasan seksual dan keganasan rumah tangga.

WCC dan PPW menjalankan pelbagai program pencegahan penderaan seksual di sekolah-sekolah melalui program "Ok Tak Ok". Program bertujuan untuk mendidik kanak-kanak sekolah rendah mengenai perkara berikut:

- (a) Mengajar kanak-kanak mengenai sentuhan yang baik dan sentuhan yang tidak baik; dan
- (b) Memberitahu orang dewasa yang dipercayai sekiranya mereka mengalami penderaan.

Selain itu, PPW juga melatih guru sekolah cara-cara untuk menjalankan program "Ok Tak Ok" untuk murid-murid mereka melalui Program Bijak Itu Selamat. Pada tahun 2023, PPW telah menyasarkan sebanyak 26 sekolah yang terdiri daripada 2,660

pelajar untuk mengajar apa yg ok apa yang tak ok bagi memberi pembelajaran awal kepada jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

11. Nyatakan bilangan dan jenis kes penyakit yang dilaporkan akibat cuaca panas melampau.
- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk melindungi penduduk dari kesan negatif cuaca panas yang semakin teruk seperti keletihan, panas, penyakit berkaitan dengan panas dan kehilangan produktiviti?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Terdapat 5 jenis penyakit berkaitan cuaca panas iaitu ruam panas (*heat rash*), pitam/pengsan (*heat syncope*), kejang otot (*heat cramps*), kelesuan haba (*heat exhaustion*), dan strok haba (*heat stroke*). Hanya tiga penyakit berkaitan cuaca panas ini yang di bawah pemantauan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang iaitu *heat cramp*, *heat exhaustion* dan *heat stroke*. Pulau Pinang telah mencatatkan satu kes pelajar sekolah menengah di daerah SPU yang kejang otot pada minggu EPID ke 13.
- (a) Pihak JKNPP telah menyalurkan maklumat kepada orang awam berkaitan penyakit haba dan langkah-langkah pencegahannya semasa melakukan aktiviti dalam musim panas atau persekitaran panas ini melalui media masa seperti di *Facebook* dan laman sesawang JKNPP sendiri.

Penyakit berkaitan haba mahupun cuaca panas boleh dicegah seperti penduduk perlu peka dengan ramalan cuaca oleh Jabatan Meteorologi untuk merancang aktiviti atau pekerjaan dengan bijaksana serta mengamalkan langkah-langkah pencegahan asas

seperti memakai pakaian serap peluh yang longgar dan cerah warnanya, memakai topi/payung, meminum air yang mencukupi walaupun tidak dahaga, elakkan minuman beralkohol, kurangkan minuman berkafein dan bergula, elakkan makanan berprotin tinggi, elakkan aktiviti lasak di bawah cahaya matahari yang terik dan tingkatkan pengetahuan tentang jenis dan gejala-gejala awal penyakit berkaitan haba agar tindakan awal *heat emergency first aid* dapat dilakukan sebelum menjadi teruk.

Penduduk perlu kenalpasti risiko yang boleh mencetuskan berlakunya penyakit berkaitan cuaca/persekitaran panas seperti melakukan aktiviti di bawah cahaya matahari terik ataupun bekerja dalam persekitaran fasiliti yang panas. Sekiranya perlu menjalankan kerja dalam persekitaran yang panas, maka perlulah mengamalkan teknik-teknik pencegahan penyakit berkaitan haba *heat-related illness prevention tactics* seperti pemasangan kipas, khemah, atau pendingin hawa serta bekalan air minum yang mencukupi.

Proses *acclimatization* pekerja buruh, atlit, pegawai pertahanan negara (askar/polis/bomba) merupakan adaptasi mekanisme stress haba semulajadi dalam badan seseorang individu untuk meningkatkan kecekapan kehilangan haba dari badan dalam cuaca/persekitaran panas dan perlu difahami untuk dilakukan secara berperingkat.

Kerajaan kini sedang giat menggalakkan penanaman pokok seperti yang dilakukan pada 22 April 2024 iaitu Tanaman Sejuta Pokok di Pulau Pinang, mengamalkan *sustainable development*, menggalakkan kitar semula, menggalakkan penggunaan kenderaan *Electric Vehicle* (EV) tanpa bahan bakar, menggalakkan penjimatan elektrik melalui pembinaan bangunan yang menggunakan pencahayaan semulajadi atau penggunaan clean *renewable energy*, dan menggalakkan Program REKA iaitu *Reduce Carbon* seperti *Decarbonizing Healthcare in Malaysia*.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

12. Apakah program yang akan diperkenalkan oleh kerajaan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang kesan cuaca panas yang berlebihan dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkannya?
- (a) Bagaimana kerajaan merancang untuk menggalakkan amalan-amalan mesra alam dan penjagaan kesihatan dalam menghadapi cuaca yang semakin panas?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Antara program yang diterapkan oleh kerajaan berkaitan cuaca panas adalah seperti Program Doktor Muda di sekolah, Institusi Pengajian Tinggi serta agensi-agensi kerajaan dan swasta, pekerja kilang, pekerja pembinaan serta pusat-pusat latihan fizikal dan pesakit-pesakit kronik di pusat-pusat kesihatan untuk meningkatkan "*Heat-Related Illness Awareness*" yang meliputi cara mengenalpasti gejala-gejala dan jenis-jenis penyakit berkaitan haba serta tindakan pencegahan awal dan rawatan asas untuk kecemasan penyakit haba.
- (a) Kerajaan kini sedang giat menggalakkan penanaman pokok seperti yang dilakukan pada 22 April 2024 iaitu Tanaman Sejuta Pokok di Pulau Pinang, mengamalkan *sustainable development*, menggalakkan kitar semula, menggalakkan penggunaan kenderaan *Electric Vehicle* (EV) tanpa bahan bakar, menggalakkan penjimatan elektrik melalui pembinaan bangunan yang menggunakan pencahayaan semulajadi atau penggunaan *clean renewable energy*, dan

menggalakkan Program REKA iaitu *Reduce Carbon* seperti *Decarbonizing Healthcare in Malaysia* .

Program REKA ini bertujuan untuk mengurangkan pembebasan karbon di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia dan semua aktiviti yang berkaitan dengan kesihatan

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

13. Nyatakan bilangan pelajar yang menghadapi masalah sakit jiwa dari tahun 2014 hingga kini.
- (a) Apakah puncanya dan nyatakan penyelesaiannya.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Bermula tahun 2014 sehingga April 2024 tiada kes yang dilaporkan bagi murid menghadapi masalah sakit jiwa. Namun begitu, Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2022 yang telah dijalankan Institut Kesihatan Umum (IKU), Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH) *Adolescent Health Survey (AHS) 2022* mendapati:

1 daripada 8 orang pelajar yang berumur 13 sehingga 17 tahun pernah terfikir berkenaan membunuh diri manakala 1 daripada 10 orang pelajar pernah mencuba bunuh diri. Nisbah pelajar perempuan lebih tinggi berbanding lelaki yang pernah berfikir berkenaan membunuh diri dan mencuba membunuh diri. Manakala 1 daripada 4 orang pelajar mengalami simptom kemurungan dan pelajar perempuan dua kali ganda lebih berisiko kemurungan dari pelajar lelaki.

Manakala Kajian Indeks Kesihatan Mental Belia Malaysia 2023, kerjasama antara Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), mendapati golongan belia di Malaysia, berisiko sederhana bagi masalah kesihatan mental dengan skor 71.91/100. Indeks Kesihatan Mental Belia Malaysia 2023 (MyMHI'23)

merupakan alat pengukuran penting bagi menilai tahap kesihatan mental belia Malaysia berusia 15 hingga 30 tahun.

- (a) Punca penyebab sebenar bagi pelajar yang menghadapi masalah sakit jiwa masih tidak lagi diketahui. Penyelidikan mendapati bahawa keadaan ini berkemungkinan disebabkan oleh gabungan faktor genetik, biologi, psikologi dan persekitaran, bukannya dari kelemahan diri atau permasalahan karakter. Manakala pemulihan daripada sakit jiwa bukan hanya sekadar berkaitan dengan persoalan kemahuan ataupun disiplin diri.

Program Minda Sihat dilaksanakan sebagai langkah pencegahan masalah emosi, memperkasa sosioemosi, menyokong kesejahteraan mental dan melaksanakan intervensi dalam membantu murid meningkatkan kemahiran daya tindak dengan baik. Program ini bertemakan “Minda Sihat: Emosi Terjaga, Kehidupan Sejahtera”.

Unit Bimbingan Kaunseling sebagai unit yang menjaga psikososial dan kesejahteraan minda murid juga perlu aktif menjalankan intervensi kepada semua murid dalam aspek pencegahan dan pendidikan psikososial kepada murid.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

14. Bilangan rumah penjagaan orang tua (nursing home) semakin meningkat di negeri Pulau Pinang. Nyatakan bilangan rumah penjagaan orang tua yang berlesen dan tidak berlesen mengikut daerah.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Bilangan rumah penjagaan orang tua yang berlesen dan tidak berlesen mengikut daerah berdasarkan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A**BILANGAN RUMAH PENJAGAAN ORANG TUA YANG BERLESEN &
TIDAK BERLESEN MENGIKUT DAERAH
(SEHINGGA APRIL 2024)**

BIL	DAERAH	JENIS KATEGORI		
		BERDAFTAR/BERLESEN		TIDAK BERDAFTAR/ TIDAK BERLESEN
		WARGA EMAS	PELBAGAI	
1	TIMUR LAUT (DTL)	14	1	20
2	BARAT DAYA (DBD)	0	0	4
3	SEBERANG PERAI UTARA (SPU)	9	2	3
4	SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)	9	3	3
5	SEBERANG PERAI SELATAN (SPS)	1	0	1
JUMLAH		33	6	31

Nota: Pelbagai - penghuni terdiri daripada warga emas dan OKU

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

15. Rumah Rehat Bukit Mertajam telah diambil alih oleh CMI pada beberapa tahun yang lepas. Nyatakan status dan perancangannya.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. Rumah Rehat Bukit Mertajam terletak di atas tanah Kerajaan Negeri seluas 2.32 ekar di PT 260, Seksyen 4, Bandar Bukit Mertajam, SPT yang telah diberimilik kepada CMI bagi tujuan pembangunan sosial dan komersial. Di atas tanah ini terdapat struktur bangunan dan gelanggang tenis yang lama terbiar.

Terdapat beberapa permohonan diterima daripada beberapa pihak untuk dijadikan sebagai tempat letak kereta dan pusat jagaan rumah orang-orang tua serta masih dalam pertimbangan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

16. Taman Pemacu Industri Semikonduktor dan Reka Bentuk Litar Bersepadu (IC Design Park).
- (a) Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri dalam tiga tahun ini dengan teliti.
 - (b) Nyatakan jumlah syarikat IC Design dalam negeri dan sumbangan mereka kepada ekonomi negeri dengan teliti.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan InvestPenang telah mengumumkan pelan untuk mewujudkan Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu dan Digital (*Penang IC Design and Digital Park*) dan industri semikonduktor di Taman Perindustrian Bayan Lepas. Bagi menampung permintaan ruang bagi sektor perkhidmatan perniagaan global (*Global Business Services, GBS*), industri semikonduktor dan reka bentuk litar bersepadu, pada peringkat Fasa 1, PDC kini sedang dalam proses untuk menyiapkan dua (2) bangunan GBS di kawasan Technoplex, Taman Perindustrian Bayan Lepas iaitu projek GBS By The Sea yang berkeluasan 294,000 kaki persegi dengan kos sebanyak RM296.0 juta dan projek GBS TechSpace yang berkeluasan 60,000 kaki persegi dengan kos sebanyak RM51.0 juta. Kedua-dua projek ini dijangka siap sebelum penghujung tahun 2024. PDC juga dalam perancangan untuk membangunkan peringkat Fasa 2 di kawasan yang sama iaitu pembangunan satu lagi bangunan GBS yang dikenali sebagai

GBS@Technoplex yang dijangka dapat menawarkan ruang sewaan seluas 500,000 kaki persegi. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan dimulakan pada tahun 2025 dengan kos sebanyak RM308.0 juta. Projek ini dijangka siap menjelang 2027.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah mempunyai perancangan dalam tempoh tiga (3) tahun yang melibatkan Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu dan Digital (*Penang IC Design and Digital Park*) dan industri semikonduktor iaitu:

- (i) Memperkenalkan kadar sewa bersubsidi untuk ruang pejabat milik PDC khususnya kepada pemain Reka Bentuk Litar Bersepadu (IC);
 - (ii) Memohon kepada kerajaan Persekutuan untuk insentif dan geran bagi meningkatkan ekosistem IC dan Digital. Inisiatif ini akan dimasukkan dalam pakej insentif yang akan diumumkan kelak;
 - (iii) Mewujudkan lebih ramai lagi syarikat tempatan dalam mengasah kemahiran mereka bentuk litar bersepadu dan penyelidikan dan pembangunan yang secara tidak langsung mampu melonjakkan ekonomi Pulau Pinang lebih jauh dalam rantai nilai;
 - (iv) Menganjurkan pelbagai inisiatif khusus untuk memupuk dan meningkatkan tenaga kerja di Pulau Pinang termasuk rancangan strategik untuk menarik dan mengekalkan bakat di tempat kerja, mengatasi jurang penawaran dan permintaan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Selain itu, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan institusi latihan dan institusi pengajian tinggi mengenai peluang pekerjaan di Pulau Pinang di samping membimbing graduan kepada laluan kerjaya yang tepat dalam reka bentuk cip.
- (b) Terdapat 18 buah syarikat reka bentuk litar bersepadu di Pulau Pinang iaitu:
- (i) AMD;

- (ii) Apex Semi;
- (iii) Capgemini;
- (iv) Efinix;
- (v) Experior;
- (vi) Infinecs;
- (vii) Intel;
- (viii) Lattice Semiconductor;
- (ix) Microchip;
- (x) Nexperia;
- (xi) Oppstar;
- (xii) Pixart Imaging;
- (xiii) SkyeChip;
- (xiv) StarFive;
- (xv) Synapse Quest;
- (xvi) Tech Mahindra Cerium;
